

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MAJLIS TINDAKAN PELANCONGAN  
NEGERI KELANTAN

OLEH

NORLIZAINI BINTI RAMLY

Sarjana Muda Pengurusan  
( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )

2005



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MAJLIS TINDAKAN PELANCONGAN  
NEGERI KELANTAN**

**Oleh**

**NORLIZAINI BINTI RAMLY  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Norlizaini binti Ramly mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Norlizaini

Nama: NORLIZAINI BINTI RAMLY

Tarikh: 17/11/05

Disahkan Oleh:

Syahrin Said

SYAHRIN SAID  
Pensyarah  
Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, Laporan Indusri ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terlebih dahulu ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana menyediakan Latihan Industri sebagai salah satu kursus yang wajib diambil oleh mahasiswa S.M.Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).

Ribuan terima kasih juga kepada Penyelia Industri KUSTEM, En. Syahrin Said kerana telah banyak membantu dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses menjalani Latihan Industri dan Laporan Latihan Industri ini disediakan. Memang tidak dapat dinafikan, tanpa tunjuk ajar dan bimbingan dari beliau, laporan ini tidak mungkin dapat disiapkan dengan sempurna.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) kerana telah menerima saya untuk menjalani Latihan Industri dan menimba pengalaman di organisasi tersebut. Ucapan terima kasih juga kepada Penyelia Industri, Pn. Zarina bt. Nawawi kerana telah banyak memberi saya pengalaman baru dan menarik sepanjang menjalani Latihan Industri di Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn).

Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada Ibu Bapa saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan kewangan sepanjang saya menjalani Latihan Industri dan tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang memberi semangat dan membantu dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali sekalung ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutama teman yang banyak membantu dan memberi bimbingan serta tidak jemu-jemu memberi kata-kata semangat sepanjang menjalani Latihan Industri dan sepanjang proses menyiapkan laporan industri ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

# ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka surat</b>
Pengesahan Keaslian	
Penghargaan	ii
Senarai Singkatan Dan Istilah	vi
Senarai Lampiran	vii
Ringkasan Eksekutif	viii
<b>Bab 1: Latar Belakang Organisasi</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	6
1.1.1 Fungsi Dan Tanggungjawab MTPNKn	8
1.1.2 Struktur Dan Kuasa Pentadbiran MTPNKn	9
1.1.3 Piagam Pelanggan	13
1.2 Maklumat Organisasi	14
1.3 Carta Organisasi	15
1.3.1 Carta Organisasi Kementerian Pelancongan Malaysia	15
1.3.2 Carta Organisasi MTPNKn	16
1.4 Aktiviti Organisasi	18
1.5 Kemahiran Yang Dipelajari	20
1.5.1 Mengurusetia Pesta Air Peringkat Negeri Kelantan	20
1.5.2 Menyelia Pesta Gendang Dan Mengurus Krew Media Dan TV Dari Korea Dan Jepun	22
1.5.3 Mengurusetia Sesi Fotografi Wilayah Timur	25
1.5.4 Pengurusan Kewangan	26
1.5.5 Pengetahuan Tentang Sistem Pengurusan Dan	27

Pentadbiran Serta Pengurusan Aktiviti/Program	
1.5.6 Pengetahuan Dalam Melihat Peluang	27
Pekerjaan, Komunikasi Dan Budaya Kerja	
1.5.7 Penyelesaian Masalah	28
<b>Bab 2: Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan</b>	<b>29</b>
<b>Penyelesaian</b>	
2.0 Pengenalan	29
2.1 Pengesanan Sistem Sedia Ada	29
2.1.1 Sistem Pengurusan Fail	29
2.1.2 Sistem Perakam Waktu	31
2.1.3 Sistem Kaunter	32
2.1.4 Sistem Operator	32
2.1.5 Sistem Keselamatan	33
2.1.6 Sistem Pengkomputeran	34
2.2 Pengenalpastian Masalah	34
2.2.1 Masalah Kekurangan Kakitangan	34
2.2.2 Kehilangan Dokumen Penting Dari Fail	35
2.2.3 Masalah Disiplin Kakitangan	36
2.2.4 Masalah Teknologi	38
2.2.5 Masalah Tekanan Di Tempat Kerja	39
2.3 Rumusan Dan Analisis Perbincangan	40
2.4 Cadangan Penyelesaian	41
2.4.1 Tindakan Tegas Terhadap Masalah Disiplin	41
2.4.2 Mengadakan Kursus Khusus Untuk	42
Pembelajaran Teknologi Maklumat	
2.4.3 Menambahkan Bilangan Kakitangan	43
2.4.4 Mempromosikan Melalui CD Khusus Mengenai	44
Kebudayaan Negeri Kelantan	
2.4.5 Menambahkan Bilangan Komputer	45

2.5	Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi	45
2.5.1	Pemantauan Mengenai Penggunaan Teknologi Dan Kemudahan Di Pejabat	45
2.5.2	Perlantikan Pegawai Dan Kakitangan Yang Berkelayakan	46
2.5.3	Maklumat Yang Menarik Tentang Kebudayaan Negeri Kelantan	47
2.5.4	Menghantar Pegawai Dan Kakitangan Ke Kursus Khusus	47
<b>Bab 3:</b>	<b>Penutup</b>	<b>48</b>
	<b>Rujukan</b>	<b>50</b>
	<b>Lampiran</b>	<b>51</b>

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran 1            Bangunan Pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri  
Kelantan, Kampung Kraftangan, Jalan Hilir Balai,  
15300 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
- Lampiran 2            Borang Model Release Form
- Lampiran 3            Borang Fax Form
- Lampiran 4            Borang Baucer
- Lampiran 5            Perjanjian Kerjasama Penubuhan Majlis Tindakan  
Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn)
- Lampiran 6            Gambar Aktiviti/Program Majlis Tindakan Pelancongan  
Negeri Kelantan

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penubuhan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) adalah hasil perjanjian kerjasama yang dibuat pada 18 Februari 2002 antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan Kerajaan Negeri. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) telah ditubuhkan pada 1 September 2002 dan lokasinya terletak di Kampung Kraftangan, Jalan Hilir Balai, 15300 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) merupakan organisasi yang membantu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk melaksanakan program dan aktiviti pelancongan di peringkat Negeri Kelantan. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) memainkan peranan dalam menggalakkan dan meningkatkan pertumbuhan dalam pembangunan industri pelancongan Negara di peringkat Negeri.

Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelatih telah berpeluang mempelajari banyak perkara baru dan mengesan beberapa masalah serta mengenalpasti beberapa sistem yang sedia ada di organisasi. Penemuan ini telah banyak membantu pelatih dalam menganalisis masalah dan membuat rumusan hasil penemuan yang diperolehi. Maklumat-maklumat yang diperolehi dapat dijadikan panduan kepada pelatih menyediakan cadangan penyelesaian, pelaksanaan cadangan dan implikasi pelaksanaannya.

Jadi, pelatih mengharapkan agar pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) dapat memandang serius cadangan-cadangan yang diutarakan untuk memastikan kecekapan dan produktiviti di Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) dapat ditingkatkan serta dapat membantu pihak pengurusan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) dalam menghadapi masalah-masalah kerja terutama masalah disiplin kakitangannya.

Latihan Industri ini diharap dapat memberikan suatu impak yang baik serta dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada semua pihak terutama bagi pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn) dan sebagai sumbangan pelatih kepada pihak pengurusan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPNKn).